KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	07.04.22	MUKA SURAT	:	37
JABATAN	:	TNB			

Tip jimat elektrik ketika musim panas

PETALING JAYA: Tenaga Nasional Berhad (TNB) menasihatkan pengguna mengamalkan penggunaan pendingin hawa secara bijak kerana ia boleh mengakibatkan atau menjurus kepada penggunaan tenaga yang tinggi.

Ia susulan laporan Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) menjangkakan cuaca panas akan berlarutan sehingga Mei ini, sebelum beransur reda pada Jun.

TNB dalam kenyataan memaklumkan, antara langkah-langkah menjimatkan penggunaan tenaga, terutama pendingin hawa yang mudah dipraktikkan adalah melaraskan suhu sistem pendingin hawa antara 24 ke 26 darjah celsius.

Katanya, orang ramai juga perlu menukar atau membersihkan penapis pendingin hawa dengan kerap untuk memaksimumkan potensi penyejukan unit tersebut kerana penapis yang kotor menghalang edaran udara dan mengurangkan kecekapan pendingin hawa.

"Selain itu, menyenggara pendingin hawa secara kerap juga boleh membantunya beroperasi pada tahap optimum, manakala menutup semua pintu dan tingkap serta lubang edaran udara dapat memastikan udara sejuk tidak keluar dari bilik.

"Pada waktu malam, pasang kipas dan tetapkan masa untuk pendingin hawa dipadamkan. Selalunya suhu bilik akan mencecah tahap yang selesa selepas beberapa jam pendingin hawa dipasang namun kos menggunakan kipas adalah lebih murah selain membantu pengedaran udara di dalam bilik," kata kenyataan itu.

Pengguna juga digalakkan untuk menggantikan pendingin hawa yang lama kerana ia tidak lagi cekap tenaga.